



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 11 JULAI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	COPS NAB 3 MEN OVER BLUDGEONING OF DOG, NATION, NST -8 SHARP RISE IN ANIMAL CRUELTY CASES, NATION, THE STAR -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	FAMA SASAR JUALAN RM7J DALAM MALAYSIA FEST DI SINGAPURA, BISNES, HM -22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	PERTUBUHAN PELADANG TEKAD BEBAS RASUAH, NASIONAL, SH -19	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5. 6. 7. 8.	SPRM JALIN KERJASAMA DENGAN LKIM, CEGAH KETIRISAN SUBSIDI PETROL, NASIONAL, SH -19 LKIM ARAH BILIK SIMPANAN SEJUK BEKU IKAN DIGUNAKAN SEPENUHNYA, DALAM NEGERI, UM -30 CHEAPER SEAFOOD DELIVERED THROUGH 'MOBILE FISHMONGER', NATION, THE STAR -11 26,000 BELIA BERDAFTAR JADI NELAYAN ELAK DOMINASI ASING, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	SEGERAKAN LANGKAH BANTU PESAWAH HADAPI EL NINO, RENCANA, BH -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	PROJEK ALA SEKINCAN, LOKAL, HM -11	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2023	NST	NEWS	8

A screenshot of two men hitting something in the bushes with sticks. A witness told police he saw two men attacking a dog. TAKEN FROM SOCIAL MEDIA



VIRAL VIDEO

Cops nab 3 men over bludgeoning of dog

BALIK PULAU: Police have detained three men to assist in investigation into an incident where a dog was run over before it was bludgeoned to death in Kampung Telok Tempoyak, near here, on Saturday.

State police chief Datuk Khaw Kok Chin said the trio, aged between 40 and 53, were picked up in Batu Maung between 11.45pm on Sunday and 1am yesterday.

"The suspects, a cargo agent, a fisherman and a bus driver, have been remanded for three days until Wednesday, to assist in the investigation," he said.

Khaw said all three suspects had no previous criminal record, adding that their urine tests came back negative for drugs.

Southwest police chief Super-

intendent Kamarul Rizal Jenal said an investigation paper had been opened under Section 29(1) of the Animal Welfare Act 2015 following a report that was lodged.

He said police came across an article on social media yesterday that included a video of two men hitting something using a stick in the bushes. The complainant lodged a police report for further investigation.

"A witness to the incident claimed to have seen two unidentified local men, believed to be staying near the scene, attacking a dog which fell into a drain by the side of the road.

"The witness recorded the incident using a handphone and sent it to a friend in Petaling Jaya,

Selangor, before it went viral (when it was posted) by the friend on his Twitter account, Syhmiee," he added.

Section 29(1) of the Animal Welfare Act provides for a maximum RM100,000 fine or maximum three years' jail or both upon conviction.

The case is also being probed under Section 233 of the Communications and Multimedia Act which provides for a maximum RM50,000 fine or maximum one year jail or both upon conviction.

Kamarul Rizal said police would take stern action against anyone who abused or hit animals without reason.

Police also advised the public against viralling the video footage of the incident.

Sharp rise in animal cruelty cases

Penang veterinary dept received 253 reports last year

GEORGE TOWN: The number of animal cruelty cases involving cats and dogs is on the rise in the state, says Penang Veterinary Services Department director Dr Saira Banu Mohamed Rejab.

According to her, there were a total of 82 cases of dog abuse and welfare-related issues reported in 2019, 86 in 2020, and 98 in 2021.

The figure jumped nearly three-fold to 253 last year, she added.

She said as of July 10, the department had received 146 such reports this year.

Dr Saira said animal cruelty cases involving cats are also on the rise, from 31 cases in 2021 to 134 cases last year.

"We also receive abuse reports of other animals such as rabbits, goats, cows, horses and hamsters," she added.

A video showing two men hitting a dog has been making the rounds on social media recently.

It was reported that the black mongrel was bludgeoned to death after a motorcyclist hit it and fell onto the road.

Yesterday, police detained three men to assist in investigations pertaining to the incident.

Penang police chief Comm Datuk Khaw Kok Chin said the suspects, aged between 40 and 53, would be remanded until tomorrow.

He said the trio – a cargo agent, a fisherman and a bus driver – were picked up in the Batu Maung area.

"All of them do not have prior criminal records. They also tested negative for drugs," he said in a statement, adding the case was being investigated under Section 29(1) of the Animal Welfare Act 2015, in which those found guilty could be fined up to RM100,000, jailed for a maximum of three years, or both.

He said those convicted could also be

further charged with Section 233 of the Multimedia Communications Act 1998, which carries a one-year imprisonment or a fine of RM50,000, or both.

Penang Island City Council stray and abandoned dogs sub-committee chairman Connie Tan, who condemned the act, urged the public with information on the incident to contact police or the local council.

MCA spokesperson Saw Yee Fung said public education is needed to tackle cases of animal abuse.

She has called for higher allocations for the Veterinary Services Department or local authorities to set up dog pounds.



Sick act: A screenshot of the video.



11/7/2023

HARIAN
METRO

BISNES

22

Fama sasar jualan RM7j dalam Malaysia Fest di Singapura

Georgetawati: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyasarkan jualan lebih RM7 juta membabitkan 124 usahawan dari seluruh negara yang menyertai Malaysia Fest di Singapura bermula 27 hingga 30 Julai ini.

Pengerusinya, Aminuddin Zulkippli berkata, eksport yang menawarkan pelbagai produk segar dari Malaysia

itu sentiasa mendapat sambutan warga Singapura.

"Usahawan kita yang menyertai eksport itu akan mempromosi dan memasarkan produk melambangkan negeri di negara ini termasuk juga destinasi pelancongan serta kraftrangan.

"Antaranya ialah produk usahawan dari Pulau Pinang iaitu jeruk madu Pak Ali, belacan, kopi Hang

Tuah, songkok dan tarbus, manakala Terengganu pula menampilkan produk keropok lekor serta banyak lagi dari negeri lain yang menawarkan produk mereka.

"Ada dalam kalangan usahawan ini pernah menyertai eksport itu dan mempunyai perminat tersendiri di sana, malah kita juga membawa usahawan baha-

ru untuk mereka kembang-

kan perniagaan di sana. Ini adalah peluang untuk mengeksport produk ke luar negara," katanya ketika ditemui di majlis penutupan Pulau Pinang Fama Fest 2023 di Kompleks Bukit Jambul oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Chan Foong Hin.

Aminuddin berkata, selain sasaran jualan seba-

nyak RM7 juta, pihaknya juga mahu melakukan padanan perniagaan yang bernilai RM3.5 juta membabitkan usahawan yang terlibat dalam eksport itu.

"Kebanyakan usahawan yang pernah menyertai eksport itu mempunyai *business link* dengan syarikat-syarikat di luar negara dan kita harap menerusi penyertaan itu nanti akan lebih banyak

padanan perniagaan dapat dibuat dalam usaha memperluaskan produk masing-masing," katanya.

Sementara itu, Chan berkata, KPKM menyokong penuh usaha Fama yang membantu memasarkan produk untuk usahawan dan eksport itu juga antara peluang produk tempatan diperkenalkan di luar negara.

Pertubuhan Peladang tekad bebas rasuah

Mahu tingkat integriti, elak salah guna kuasa dan penyelewengan

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Pengiktirafan Pertubuhan Peladang sebagai badan awam diyakini mampu memastikan tata kelola yang bebas dari unsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Perak, Dzulfadli Johan berkata, pewartaan itu juga disifatkan wajar bagi memelihara dan memastikan kepentingan kerajaan, Pertubuhan Peladang serta ahli-ahli peladang agar lebih terjamin dan terpelihara.

Menurutnya, perkara itu juga selaras kebersamaan LPP dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membanteras rasuah di segenap lapisan organisasi.

"Pewartaan ini merupakan pemantapan kepada tata kelola sedia ada yang menjadi prinsip dan tunjang di dalam pelaksanaan setiap program dan aktiviti di Pertubuhan Peladang.

"Besarnya harapan saya untuk menjadikan LPP Negeri Perak khususnya dan negara amnya sebagai sebuah organisasi yang berintegriti," katanya dalam satu kenyataan.

Bellau sebelum itu hadir pada pro-



Sebahagian peserta dan jemputan yang hadir program Taklimat Kesan Penetapan Badan Awam Terhadap Pertubuhan Peladang anjuran bersama SPRM di Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Meru Raya, Ipoh, pada Sabtu.

gram Taklimat Kesan Penetapan Badan Awam Terhadap Pertubuhan Peladang anjuran bersama SPRM di Dewan Bankuet, Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN), Meru Raya di sini pada Sabtu.

Taklimat itu dihadiri lebih 300 orang peserta terdiri daripada ahli-ahli jemaah pengarah serta pihak pengurusan Pertubuhan Peladang di seluruh Perak.

Mengenai program tersebut, Dzulfadli berkata, penganjurannya membuktikan komitmen LPP dalam memperkasakan integriti serta nilai insan bagi menjadikan pertubuhan tersebut sebagai sebuah organisasi yang telus dan cemerlang.

Program itu seiring pewartaan

Pertubuhan Peladang sebagai badan awam di bawah Akta SPRM 2009 (Akta 694) yang berkuat kuasa mulai 22 Mei lalu.

Pewartaan SPRM di bawah Seksyen 71 (1) Akta SPRM 2009 itu membawa maksud Pertubuhan Peladang yang merangkumi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan sebagai Badan Awam.

Hadir sama pada program itu, Pengarah Unit Integriti LPP Malaysia, Norhaslina Abdul Halim Lim dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPN Perak, Datuk Sham Mat Sahat.

SPRM jalin kerjasama dengan LKIM, cegah ketirisan subsidi petrol

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menganjurkan Program Antirasuah Bersama Komuniti Nelayan (Pengurusan Skim Subsidi dan Petrol Nelayan) Tahun 2023, sebagai usaha memberi pendedahan meng- cegah ketirisan dalam skim subsidi diesel dan petrol kepada nelayan.

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) SPRM, Datuk Razim Mohd Noor berkata, peranan dan tanggungjawab komuniti nelayan adalah besar dalam memastikan ekonomi negara terus berkembang, oleh itu pemberian subsidi bahan api berkenaan perlu digunakan sebaik mungkin, selain mengelak daripada terjerumus kepada amalan salah menyalahgunakan skim tersebut.

Justeru, katanya, adalah



Razim (dua dari kanan) bersama tetamu kehormat dalam Program Antirasuah Bersama Komuniti Nelayan di Ipoh, Perak, pada Sabtu lalu.

menjadi tanggungjawab SPRM juga bagi memastikan industri perikanan ini bebas dari sebarang gejala rasuah.

"Program ini menjadi penghubung antara LKIM, komuniti

nelayan dan SPRM. Kami berharap program ini memberi pemahaman kepada pemimpin-pemimpin nelayan tentang tanggungjawab bersama dalam usaha memerangi perlakuan ra-

suah dan salah guna kedudukan.

"Kesalahan-kesalahan yang bertentangan dengan nilai Islam serta fokus utama dalam penyelewengan isu-isu rasuah dan ketirisan yang melibatkan subsidi diesel dan petrol kepada komuniti nelayan," katanya ketika menyampaikan ucapan penutup pada program berkenaan di Ipoh, pada Sabtu.

Program berlangsung di Hotel Seri Malaysia, Ipoh, anjuran bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Negeri Perak.

Dalam pada itu, Razim juga mengingatkan semua peserta, bahawa subsidi diesel dan petrol wajib digunakan bagi tujuan aktiviti penangkapan ikan sahaja tanpa disalahgunakan.

"Ini adalah amanah yang dipikul bersama bagi memastikan setiap sen wang kerajaan tidak dibocorkan. SPRM bersedia un-

tuk bekerjasama dalam isu ini jika terdapat sebarang aduan atau maklumat yang diterima," tegasnya.

Seramai 50 ahli lembaga persatuan nelayan negeri Perak di bawah LKIM hadir pada program itu.

Pengisian program itu mem-babitkan sesi penerangan dan forum mengenai kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009 dan isu-isu rasuah yang berlaku melibatkan ketirisan subsidi diesel dan petrol nelayan.

Data pada tahun 2021 menunjukkan sektor perikanan negara telah menghasilkan pengeluaran perikanan darat, akuakultur dan perikanan tangkapan yang bernilai RM14.88 bilion dan nilai itu menyumbang 0.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

11/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

LKIM arah bilik simpanan sejuk beku ikan digunakan sepenuhnya

ARAU: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengarahkan bilik simpanan sejuk beku khususnya di kawasan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di seluruh negara digunakan sepenuhnya bagi memastikan bekuan ikan sentiasa mencukupi.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, bilik sejuk beku yang ada di kawasan PNK mampu memuatkan 90 tan metrik kapasiti ikan.

Justeru tegasnya, tidak timbul isu LKIM gagal mengoptimumkan operasi bilik sejuk itu.

“Bekalan ikan kita perlukan bilik sejuk yang besar dan di bawah LKIM kita mempunyai 90 tan metrik kapasiti untuk simpanan. Arahkan saya dari pada awal pastikan semua bilik sejuk beku ini dapat digunakan.

“Kemungkinan ada yang tidak dapat digunakan atas fak-

tor rosak, usang dan saya beri arahan awal, ambil langkah drastik membaikinya supaya ada lebihan ikan yang boleh kita simpan bagi memastikan bekuan sentiasa mencukupi.

“Ada beberapa bilik sejuk beku ini yang aktif antaranya di Kuala Kedah, Besut, Tok Bali dan Kuantan,” katanya ketika ditemui selepas program Ramah Mesra Madani di Dewan PNK Perlis Selatan di sini semalam.

Pada 29 Mei 2022, bekas Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, masalah birokrasi dalaman didakwa menyebabkan tempat simpanan ikan sejuk beku LKIM terbiar kosong.

Sementara itu Muhammad Faiz berkata, sekitar 10 peratus bilik simpanan sejuk beku tidak dapat digunakan atas faktor usang dan rosak.



MUHAMMAD Faiz Fadzil (dua dari kanan) pada program Ramah Mesra Madani di Dewan Persatuan Nelayan Kawasan Perlis Selatan, Kuala Sungai Baru, Arau, Perlis. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

Cheaper seafood delivered through 'Mobile Fishmonger'

KUALA PERLIS: Consumers are going to enjoy cheaper seafood with fishermen delivering directly to them at about 30% below market rate, thanks to a pilot project by the Fisheries Department (LKIM).

LKIM chairman Muhammad Faiz Fadzil said the department has introduced the "Mobile Fishmonger" project as part of its efforts to boost the income of fishermen while lowering the cost for consumers.

He said the pilot project provides a motorcycle, fish container and raincoat to enable fishermen to deliver their catch directly to consumers at about 30% below market price.

"Based on the concept 'From the Fisherman to the Kitchen', fishermen won't have to rely on middlemen," he told reporters attending the Rahmah Programme, Mesra Madani, here yesterday.

According to *Bernama*, he said during the initial phase, motorcycles fitted with fish containers costing RM10,000 have been distributed to 16 fishermen's associations nationwide.

Among the 16 fishermen's associations involved in the pilot project are south Perlis; Kuala Muda, Yan (Kedah); south Penang; Bachok, Kota Baru (Kelantan); Besut, south Kuala Terengganu; Rompin, Pahang; Kuala Langat, Sempang (Selangor); south Melaka; Batu Pahat, Johor; Kudat Sabah; and Layar Rimbis, Sarawak.

He said LKIM will also expand the programme nationwide with the opening of 136 fish markets, which will be built near fishing jetties and self-managed by the local fishing communities.

"These fish markets are an important aspect towards enhancing food security. We want to ensure that everyone, not just those near the coastal areas, but also people in cities and towns benefit from these markets.

"The price of fish will be cheaper at these markets as we will cut the supply chain cost — no more middlemen," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2023	KOSMO	NEGARA	16

26,000 belia berdaftar jadi nelayan elak dominasi asing

KUALA PERLIS - Kira-kira 26,000 golongan belia menceburi bidang perikanan dengan berdaftar sebagai ahli nelayan persatuan di seluruh negara.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, jumlah itu adalah 20 hingga 30 peratus daripada keseluruhan 87,000 nelayan berdaftar di bawah persatuan nelayan.

“Penglibatan golongan belia sebagai nelayan muda adalah sangat penting kepada sektor perikanan negara bagi memastikan kelestarian sekuriti makanan negara.

“Kita juga ingin melihat lebih ramai golongan muda dan belia aktif menceburi bidang yang mencabar ini kerana ia memerlukan kekuatan fizikal yang ada pada mereka,” katanya pada sidang akhbar di Dewan Persatuan Nelayan Kawasan Perlis Selatan, di sini semalam.

Kata beliau, kewujudan lebih ramai golongan nelayan muda juga amat penting bagi memastikan sektor perikanan tidak direbut dan didominasi oleh warga asing di negara ini.

Difahamkan, jumlah sebe-



MUHAMMAD FAIZ (tengah) pada sidang akhbar di Dewan Persatuan Nelayan Kawasan Perlis Selatan, Kuala Perlis, semalam.

nar nelayan muda di negara ini dianggarkan melebihi 30,000, namun mereka tidak berdaftar kerana tidak memiliki lesen nelayan.

Menurut Muhammad Faiz, LKIM juga sedar beberapa isu yang membelenggu golongan muda terutama daripada segi kekangan modal, pinjaman bank dan pemilikan lesen.

“Bagi tujuan pemilikan lesen nelayan, LKIM akan cuba membantu memudahkan golongan nelayan muda memiliki lesen

walaupun ia adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan.

“Sebenarnya, nelayan muda iaitu golongan belia berusia 18 hingga 35 tahun mempunyai banyak faedah termasuk pinjaman modal daripada Koperasi Belia Negara (Kobena) untuk mulakan perniagaan atau menambah modal,” jelasnya.

Tambahnya, golongan belia boleh menyertai persatuan nelayan kerana melalui persatuan itu, lebih banyak peluang boleh dimohon.

Authorities working to combat turtle egg smuggling

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: The threat of turtle egg smuggling from the Philippines to Sabah is a serious issue, and authorities on both sides are working together to prevent it from continuing.

Mohamad Ali R. Dimaren, Director II for Biodiversity, Ecosystems, Research and Development Services in the Philippines, stated that they had implemented inter-agency protection and enforcement measures to address it.

"The smuggling of eggs to Sabah remains a serious threat but we are doing all we can to prevent this from happening," he told the media during the Turtle Islands Heritage Protected Area (Tihpa) Conference 2023 here yesterday.

He said, like in Sabah, selling turtle eggs is a crime where offenders could face between 5,000 pesos (RM419) and 5 million pesos (RM419,000) in fines or imprisonment between five months and five years, depending on the severity of the offence.

"It depends on how many eggs are found on the person," said Mohamad.

For Sabah, the offence comes under Section 41(1) of the Wildlife Conservation Enactment 1997, which provides for a fine of between RM50,000 and RM250,000 and a jail term of between a year and five years, or both, upon conviction.

Earlier in the event, Sabah Tourism, Culture and Environment Minister Datuk Christina Liew said that despite the establishment of the Tihpa region, turtles still face numerous threats in the form of habitat loss, pollution, overfishing and climate change.

She said these threats are compounded by practices such as turtle egg and meat consumption, shell ornaments and turtle-based traditional medicines.

She said the Tihpa region is the world's first transboundary marine protected area for marine turtles.

It was established in May 1996 when a memorandum of agreement (MOA) was signed by the two countries in Manila.

Liew said it is one of the world's most critical nesting grounds for endangered species of marine turtles including the Hawksbill, Green, Leatherback and Olive Ridley sea turtles.

This region also supports several other flagship species of conservation concern, such as fish, marine invertebrates and mammals, she said.

"Since the inception of this transboundary collaboration, there have been many significant achievements.

"I was informed that on the Malaysian side, specifically in the Turtle Islands Park of Sabah, we have records from 1979 until March 2023 that about 21,930,308 baby turtles have been released back to the sea," said Liew.

Segerakkan langkah bantu pesawah hadapi El Nino

• Data permohonan Tabung Bencana sejak 2017 hingga 2021 merekodkan nilai kerosakan bagi tanaman padi akibat bencana kemarau sebanyak RM21.6 juta

• Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi berkaitan mempunyai tanggungjawab besar untuk memantau kesan dihadapi golongan petani di seluruh negara



Oleh Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Agensi meteorologi antarabangsa meramalkan pembentukan El Nino bermula pertengahan tahun ini hingga awal 2024, menyebabkan banyak negara mengambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah kesan buruk fenomena itu terhadap sektor pertanian.

Profesor Madya Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM)

Menurut Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO), fenomena El Nino dijangka meningkat pada penghujung tahun ini hingga awal tahun depan dengan kebarangkalian melebihi 90 peratus.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pula melaporkan kebarangkalian El Nino adalah sekitar 57 peratus pada Jun hingga September depan dan meningkat kepada 62 peratus pada September hingga November tahun ini.

Fenomena berkenaan terjadi apabila berlakunya pemanasan suhu permukaan Lautan Pasifik di sekitar Khatulistiwa melebihi 0.5 darjah Celsius berbanding nilai purata jangka panjang.

Berdasarkan laporan *Climate Change Scenarios For Malaysia 2001-2099* dikeluarkan MetMalaysia, kekerapan musim kering dan panas meningkat sejak 2005 di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Penyebab utama kejadian musim kering ini ialah fenomena El Nino yang kerap melanda seluruh rantau Asia Tenggara. Tanaman padi sebagai tanaman makanan ruri masyarakat negara ini antara paling berpotensi terkesan oleh perubahan iklim, sekali gus mengancam sekuriti bekalan beras negara.

Fenomena El Nino meningkatkan suhu antara 0.5 darjah Celsius hingga 2 Celsius, selain pengurangan jumlah hujan antara 20 hingga 60 peratus. Kedua-dua elemen utama cuaca ini sangat memberi kesan terhadap tanaman padi.

Cuaca panas berpanjangan sangat memberi kesan kepada tanaman padi kerana menyebabkan air di sawah semakin berkurangan.

seterusnya tanah menjadi kering. Cuaca panas turut menyebabkan sumber air menjadi terhad dan pembekalan air ke sawah terpaksa dilaksanakan mengikut penggiliran.

Dalam keadaan ini, pokok padi memerlukan air untuk tumbuh dan membentuk tangkai, tetapi akan terganggu, seterusnya menjejaskan penghasilan padi.

Ini pastinya mengurangkan kualiti hasil pertanian, selain menjejaskan pendapatan petani, apatah lagi aktiviti sawah di sebahagian besar kawasan masih bergantung pada curahan air hujan.

7,800 hektar padi di Kelantan terjejas

Data permohonan Tabung Bencana sejak 2017 hingga 2021 merekodkan nilai kerosakan bagi tanaman padi akibat bencana kemarau sebanyak RM21.6 juta. Bagaimanapun, ini bergantung kepada variasi diusahakan dan kawasan penanaman.

Pada Mei lalu, El Nino melanda negara memberi kesan ketara terhadap hasil dan kualiti padi negara dengan 7,800 daripada keseluruhan 26,833 hektar tanaman padi membabitkan 390 petani di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terkesan dengan masalah ini ekoran cuaca panas dan kemarau.

KADA merekodkan kerugian lebih RM2.7 juta apabila hampir 30 peratus hasil padi di Kelantan, merosot akibat musim kemarau. Thailand yang menjadi pengeksport beras kedua terbesar dunia turut terkesan dengan hasil padi pada bulan itu berkurangan 26 peratus di bawah paras normal.

Secara umum, suhu optimum penanaman padi antara 24 hingga 34 darjah Celsius dan hujan tahunan melebihi 2,000 milimeter. Hasil penyelidikan Institut Penyelidikan Beras Antarabangsa (IRRI) menunjukkan kenaikan suhu pada waktu malam sebanyak satu darjah Celsius boleh mengurangkan hasil padi kira-kira 10 peratus.

Pada 1998, hasil padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) didapati berkurangan daripada 4.88 tan/ha kepada 4.45 tan/ha selepas berlaku peningkatan suhu daripada 28.5 darjah Celsius kepada 29 darjah Celsius.

Corak hujan tidak teratur dan tekanan air pula meningkatkan intensiti beberapa penyakit padi seperti 'karah daun padi' yang menyumbang kepada pengurangan hasil padi.

Oleh itu, Kementerian Pertanian dan Keterja-

minan Makanan serta agensi berkaitan mempunyai tanggungjawab besar untuk memantau kesan dihadapi golongan petani di seluruh negara, sekali gus membantu mereka susulan fenomena El Nino teruk ini.

Langkah drastik elak rugi besar

Persiapan awal sangat perlu terutama membatalkan aspek bekalan air mencukupi, sekali gus menjamin sektor pertanian tidak terjejas dengan ketara, terutama membatalkan operasi pengeluaran padi dan beras negara.

Antaranya memastikan takungan empangan di kawasan utama penanaman padi negara seperti di MADA dan KADA berada pada tahap baik serta mencukupi bagi menampung keperluan aktiviti tanaman padi.

Aspek lain perlu diberi perhatian adalah menasihati pesawah supaya mempercepatkan aktiviti dan mematuhi jadual penanaman padi ditetapkan. Tumpuan juga perlu mengambil kira dalam memastikan bekalan air dapat diagihkan dengan sempurna mengikut fasa ditetapkan, selain memaksimumkan stesen pam guna semula bagi menjimatkan air daripada empangan.

Malah, pengoperasian pam bergerak untuk membekalkan air ke kawasan terjejas juga antara aspek penting. Selain itu, kerjasama pesawah menguruskan air pada peringkat sawah secara berhemah sangat penting dalam memastikan bekalan air dapat diagihkan dengan sempurna dan mengelakkan pembaziran.

Beberapa langkah drastik bagi memastikan petani tidak mengalami kerugian lebih besar, termasuk mengenal pasti lokasi mengandungi sumber air bawah tanah untuk dialirkan keluar menerusi telaga tiub, menyesuaikan jadual bekalan air, di samping melaksanakan kerja pembersihan lumpur di tali air dan struktur utama bagi melancarkan aliran air ke sawah.

Langkah lain dalam menangani kesan El Nino juga adalah pelaksanaan pengairan sawah secara *Alternate Wetting and Drying* (AWD) bagi menggantikan pengairan secara 'banjir'.

Pembangunan dan penggunaan variasi benih padi tahan banjir atau tahan kemarau (padi anaerob dan padi aerob) perlu dipertimbangkan, selain memperkenalkan insurans pertanian untuk mengurangkan risiko perubahan iklim.


Data ramalan hujan MetMalaysia dan kajian Impak Perubahan Iklim oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) disepadukan bagi memberikan maklumat ramalan kemarau serta ketersediaan sumber air seawal dua bulan ke hadapan dan amaran seawal 14 hari ke hadapan kepada pihak berkaitan dalam pengurusan air di negeri dan Persekutuan sangat membantu dalam membuat keputusan terutama dalam penentuan pengurusan pengairan padi.

Sistem ini juga dapat membantu perancangan masa lebih sesuai untuk penanaman padi dengan merujuk kepada ketersediaan sumber air hujan dan kuantiti isi padu sungai serta empangan.

Akhirnya, operasi pembenihan awan di sekitar kawasan tadahan empangan apabila ketiadaan hujan atau apabila baki simpanan air di empangan semakin menyusut juga mampu meminimumkan permasalahan dihadapi pesawah.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2023	HARIAN METRO	LOKAL	11



PESAWAH, Mohd Timasani Che Daud, 67, menunjukkan anak benih padi yang akan ditanam dalam Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di Bendang Bator, Bachok. Program SMART SBB Ala Sekinchan adalah program baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan dengan mengfokuskan model dan amalan pertanian baik sebagaimana yang dilaksanakan oleh pesawah di Sekinchan, Selangor. Melalui program itu mampu meningkatkan pendapatan pesawah di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (LADA) kemasin Semerak dengan menyasarkan pendapatan sebulan sebanyak RM4,000 daripada pendapatan sebelumnya iaitu RM1,700.